

MIKRO KREDIT DALAM PEMERKASAAN WANITA LUAR BANDAR  
DI SULAWESI SELATAN

HURRIAH ALI HASAN

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi  
syarat penganugerahan ijazah  
Doktor Falsafah (Pengurusan)

Fakulti Pengurusan  
Universiti Teknologi Malaysia

NOVEMBER 2016

“Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya”

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Name : Hurriah Ali Hasan

Tarikh :

## **DEDIKASI**

Karya ini sepenuhnya saya dedikasikan khusus kepada Bonda yang telah lama pergi dan tidak sempat melihat kejayaan ini. Kerana permintaan beliau lah, saya mengikut kajian ini, dan kerana semangat beliau lah, saya selalu berusaha mencapai harapan yang terbaik untuk semua.

Kebahagiaan juga saya bahagikan kepada saudara-saudaraku tercinta yang selalu mendoakan, menyokong dan memberikan dukungan moral yang tiada henti.

Jutaan terima kasih untuk semua kawan yang telah membantu selesainya thesis ini.

## PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah yang empunya Semesta alam, serta dipanjatkan selawat ke atas junjungan Nabi Besar Muhammad SAW.

Pertamanya dipanjatkan kesyukuran kepada Allah SWT kerana dengan limpahan rahmat, karunia dan izinNya jualah kajian ini dapat disempurnakan. Setinggi-tingginya penghargaan saya rakamkan kepada penyelia saya, Prof. Madya Dr. Rozeyta Omar atas kesabaran untuk meluangkan masa untuk memberi tunjuk ajar, membimbing, menasihati dan memberi komentar sehingga tesis ini dapat disempurnakan. Penghargaan tak terhingga turut diberikan kepada Gubernur Provinsi Sulawesi Selatan Republik Indonesia yang telah memberi tajaan pengajian ini. Saya juga mengungkapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah terlibat secara langsung dan tidak secara langsung dalam menjayakan kajian ini, khususnya kepada setiap responden yang mengambil bahagian dalam kajian ini dan yang secara terbuka berkongsi kehidupan mereka dengan saya. Dari mereka, saya belajar pelajaran yang banyak tentang kehidupan. Saya berasa amat bertuah kerana mempunyai rakan-rakan dan keluarga yang telah menggalakkan saya semasa pembangunan dan penulisan tesis ini. Tanpa mereka, kajian ini akan sulit direalisasikan. Semoga segala budi dan jasa yang telah diberikan akan mendapat balasan daripada Allah SWT, dan dapatan kajian ini memberi manfaat kepada semua. Insya Allah.

## **ABSTRAK**

Kebanyakan pelanggan institusi kewangan mikro di seluruh dunia adalah wanita. Pada asasnya, tiga sebab digunakan dalam memberi wanita keutamaan untuk akses kepada perkhidmatan kewangan mikro, iaitu kemiskinan, peningkatan kecekapan dan kemampuan serta kesaksamaan dalam pemeraksanaan. Pemeraksanaan adalah satu proses perubahan yang mana individu atau kumpulan mendapatkan kuasa dan keupayaan untuk mengawal kehidupan mereka. Ini melibatkan peningkatan kesejahteraan, akses kepada sumber, keyakinan diri, harga diri dan penghormatan, penyertaan dalam membuat keputusan, dan peningkatan kawalan ke atas keseluruhan hidup mereka sendiri. Kajian ini mengkaji sejauh mana kewangan kredit mikro menyumbang kepada pemeraksanaan wanita miskin di kawasan luar bandar dan mengurangkan kemiskinan di kedua-dua isi rumah dan komuniti. Penyelidikan telah dijalankan di daerah Gowa, Sulawesi Selatan, Indonesia. Kaedah tinjauan telah digunakan sebagai teknik pengumpulan data. Terdapat seramai 151 orang responden terlibat dalam kajian ini. Keputusan kajian ini menyokong literatur sedia ada yang menunjukkan kesan positif kewangan mikro untuk meningkatkan pendapatan peserta, kualiti dan kuantiti perbelanjaan dan pendidikan untuk anak-anak. Ia juga mendapati bahawa penyediaan kredit mikro telah dapat meningkatkan peranan wanita untuk berdikari. Kajian menunjukkan bahawa wanita yang memperolehi akses kepada sumber kewangan berupaya meningkatkan kebajikan isi rumah mereka. Akses kepada kredit telah membantu wanita luar bandar untuk memahami tujuan penjimatan, menyusun perbelanjaan isi rumah dengan lebih baik dan merancang masa hadapan. Penyertaan wanita dalam program kredit mikro telah meningkatkan peranan mereka, terutama sebagai modal sosial masyarakat dengan cara memperolehi harga diri, kemahiran perniagaan, tahap keyakinan dan kuasa membuat keputusan.

## ABSTRACT

Most clients of microfinance institutions throughout the world are women. Basically, three reasons are used to prioritize women's access to microfinance services, which are poverty, increased efficiency and sustainability and equality in empowerment. Empowerment is a process of change by which individuals or groups gain power and ability to take control over their lives. This involves increased well being, access to resources, self-confidence, self-esteem and respect, participation in decision-making, and increased control over their own life. This study examined the extent to which the microcredit finance contributed to the empowerment of poor women in rural areas and reduced poverty both in the households and community. Research was conducted in Gowa district, South Sulawesi, Indonesia. Survey method was used as a technique of data collection. There were 151 respondents involved in this study. The results of this study support the existing literature showing the positive impact of microcredit finance to increase the income of participants, the quality and quantity of spending, the quality of life, and the education for the children. It is also found that the provision of microcredit has been able to increase a woman's role of self-reliance. The study revealed that women with access to financial resources are able to improve the welfare of their households. Access to credit has helped rural women to understand the purpose of saving, organize better household expenditure and plan for the future. Women's participation in microcredit programs has enhanced their role, especially as the social capital of the community through acquiring the self-esteem, business skills, confidence level and decision making power.

## KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	<b>PENGAKUAN</b>	ii
	<b>DEDIKASI</b>	iii
	<b>PENGHARGAAN</b>	iv
	<b>ABSTRAK</b>	v
	<b>ABSTRACT</b>	vi
	<b>KANDUNGAN</b>	vii
	<b>SENARAI JADUAL</b>	xiv
	<b>SENARAI RAJAH</b>	xvi
	<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xvii
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xx
<b>1</b>	<b>Pengenalan</b>	<b>1</b>
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	3
	1.3 Pernyataan Masalah	11
	1.4 Objektif Kajian	13
	1.5 Persoalan Kajian	14
	1.6 Kepentingan Kajian	14
	1.7 Rasional Kajian	16
	1.8 Skop Kajian	19
	1.9 Kerangka Teori dan Kerangka Konsep Kajian	20
	1.10 Definisi Konsep	27
	1.10.1 Kredit Mikro	27
	1.10.2 Pemerksaan Wanita	27

1.10.3	Pengurangan Kemiskinan	28
1.10.4	Kebijakan Keluarga	29
1.10.5	Aset	29
1.10.6	Kebijakan Komuniti	29
1.10.7	Pelaburan	30
1.10.8	Produktiviti	30
1.11	Susunan Bab	31
1.12	Kesimpulan	32
<b>2</b>	<b>KAJIAN LITERATUR</b>	<b>34</b>
2.1	Pengenalan	34
2.2	Kemiskinan dan Kebijakan	35
2.2.1	Garis Kemiskinan	38
2.2.2	Mengukur Kemiskinan	40
2.3	Kemiskinan Luar Bandar di Indonesia	42
2.4	Kemiskinan pada Wanita	43
2.5	Institusi Kewangan Kredit	46
2.6	Peranan Institusi Kewangan Mikro dalam Pengurangan Kemiskinan	47
2.6.1	Pengurangan Kemiskinan	48
2.6.2	Kredit Mikro	47
2.6.3	Pemeriksaan Wanita	58
2.6.4	Penyertaan Wanita dalam Kredit Mikro	60
2.7	Impak Kredit Mikro dalam Pengurangan Kemiskinan	63
2.8	Kes-kes Program Mikro Kredit	68
2.8.1	Grameen Bank di Bangladesh	69
2.8.2	Bangladesh Rehabilitation Assistance Committee (BRAC) di Sri Lanka	70
2.8.3	Amhara Credit and Savings Institute (ACSI) di Ethiopia	71
2.8.4	Uganda's Women Finance Trust (UWFT) di Uganda	72



2.8.5	MicroBankers Trust (MBT) dan Association of Microfinance Institutions of Zambia (AMIZ) di Zambia	73
2.8.6	Trust Bank di Ghana	74
2.8.7	Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dan Tabung Ekonomi Kumpulan Usahawan Nasional (TEKUN) di Malaysia	75
2.9	Penglibatan Koperasi	76
2.10	Kesimpulan	78
<b>3</b>	<b>PROGRAM MIKRO KREDIT DI INDONESIA</b>	<b>79</b>
3.1	Pengenalan	79
3.2	Jumlah Penduduk Miskin	80
3.3	Keadaan Geografi	80
3.4	Kemiskinan pada Wanita	83
3.5	Peranan Kewangan Mikro dalam Mengurangi Kemiskinan di Indonesia	86
3.5.1	Aktiviti Perniagaan Mikro	87
3.5.2	Pemeriksaan Wanita	88
3.5.3	Penyertaan Wanita dalam Perniagaan Kecil dan Sederhana (PKS)	89
3.6	Program Kredit Mikro	90
3.6.1	Peranan Kredit Mikro dalam Pemeriksaan Wanita	91
3.6.2	Pengaruh Budaya dalam Penyertaan Wanita pada Pengurangan Kemiskinan	91
3.7	Skim Kredit yang Disediakan oleh Institusi Kewangan	93
3.7.1	Kredit Rasmi	93
3.7.1.1	Institusi Kewangan Bank (IKB)	93
3.7.1.2	Institusi Kewangan Bukan Bank (NBFI)	95
3.7.2	Kredit Tidak Rasmi	98

3.7.3	Program Kredit	99
3.7.4	Kekangan dalam pinjaman	102
3.8	Sasaran Kajian	104
3.8.1	Gambaran Umum Koperasi Surya Abadi	105
3.8.2	Mekanisme Distribusi Mikro Kredit	109
3.9	Kesimpulan	110
<b>4</b>	<b>METODOLOGI PENYELIDIKAN</b>	<b>111</b>
4.1	Pengenalan	111
4.2	Reka Bentuk Kajian	111
4.3	Lokasi dan Sampel Kajian	116
4.3.1	Lokasi Kajian	116
4.3.2	Sampel Kajian	116
4.4	Instrumentasi dan Pengumpulan Data	120
4.4.1	Soal Selidik	121
4.4.2	Temu Bual	122
4.4.3	Pemerhatian	125
4.4.4	Protokol Temu Bual	126
4.5	Kajian Rintis	127
4.5.1	Kesahan Soal Selidik	128
4.6	Analisis Data	129
4.6.1	Analisis Statistik Deskriptif	130
4.6.2	Analisis Data Kualitatif	131
4.6.3	Pengekodaan Data	133
4.6.3.1	Sistem Koding Data Temu Bual	134
4.7.	Kesimpulan	136
<b>5</b>	<b>DAPATAN KAJIAN</b>	<b>138</b>
5.1	Pengenalan	138
5.2	Demografi Responden	138
5.2.1	Keadaan Responden Kajian Kuantitatif	139
5.2.2	Responden Kajian Kualitatif	140
5.3	Analisis Kuantitatif	142

5.3.1	Pengalaman dengan Kredit Mikro	142
5.3.2	Pengalaman dalam Perniagaan	147
5.3.3	Pemahaman Makna Pemerksaan Wanita	155
5.4	Dapatan Kualitatif	162
5.4.1	Akses ke Sumber Kewangan	163
5.4.2	Aktiviti Perniagaan	169
5.4.3	Kebajikan Keluarga	178
5.4.4	Pencapaian Pemerksaan	183
5.4.4.1	Pemerksaan Individu	183
5.4.4.2	Pemerksaan Keluarga	185
5.4.4.3	Pemerksaan dalam Komuniti	190
5.4.5	Perubahan-perubahan Hidup	192
5.4.6	Dapatan Temubual dengan Ketua Institusi Koperasi Kerajaan, Ketua Kampung dan Ketua Pertubuhan Koperasi Kabupaten Gowa	195
5.4.7	Analisis Dapatan Temubual dengan Ketua Institusi Koperasi Kerajaan, Ketua Kampung dan Ketua Pertubuhan Koperasi Kabupaten Gowa	197
5.5	Kesimpulan	198
<b>6</b>	<b>RUMUSAN KAJIAN</b>	<b>200</b>
6.1	Pengenalan	200
6.2	Rumusan Dapatan Kajian	201
6.2.1	Mikro Kredit dalam Menggalakkan Pemerksaan Wanita	202
6.2.1.1	Kesan pada Pemerksaan Wanita	202
6.2.1.2	Kuasa Dalam Mengambil Keputusan	203
6.2.1.3	Peningkatan Pengetahuan dalam Pengelolaan Kewangan	203

6.2.2	Kredit Mikro dalam Meningkatkan Kebajikan Keluarga	204
6.2.2.1	Pendapatan Keluarga	204
6.2.2.2	Sumbangan kewangan Untuk Keluarga	205
6.2.2.3	Penambahan Aset	205
6.2.3	Kredit Mikro dalam meningkatkan Kebajikan Komuniti	206
6.2.3.1	Penglibatan dalam aktiviti kumpulan	206
6.2.3.2	Pelaburan	206
6.2.3.3	Produktiviti	207
6.2.4	Kredit Mikro dalam Mengurangkan Kemiskinan	207
6.2.3.1	Faedah Ekonomi untuk Komuniti	208
6.3	Kesimpulan	209
<b>7</b>	<b>PERBINCANGAN DAN CADANGAN</b>	<b>210</b>
7.1	Pengenalan	210
7.2	Latar Belakang Peserta Kajian	210
7.2.1	Akses ke Sumber Kewangan	211
7.2.2	Motivasi Perniagaan	212
7.2.3	Sumbangan kepada Isi Rumah	213
7.2.4	Pengambilan Keputusan	214
7.3	Implikasi Kajian	215
7.3.1	Implikasi pada Peranan Ekonomi	216
7.3.2	Implikasi pada Pembangunan Luar Bandar	217
7.3.3	Implikasi kepada Koperasi	217
7.3.4	Implikasi pada Penyelidikan	218
7.4	Cadangan Kajian lanjutan	220
7.4.1	Kajian Khas Kepada Keupayaan	220

	Membuat Keputusan dalam Rumah	
7.4.2	Kajian Dalam Penggunaan Kredit untuk Pengurangan Kemiskinan	222
7.4.3	Agenda untuk Polisi Kerajaan	222
7.5	Kesimpulan	223
	<b>RUJUKAN</b>	<b>224</b>
	Lampiran A - H	239 - 272

## SENARAI JADUAL

<b>JADUAL</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
1.1	Data Kemiskinan Indonesia	4
3.1	Kondisi Kemiskinan Wanita di Indonesia	85
3.2	Bilangan Ahli Koperasi Surya Abadi	106
3.3	Skim Pembayaran Balik Pinjaman	107
3.4	Jaminan Bayaran Peminjam Wanita	108
4.1	Sampel Kajian	119
4.2	Kesahan Item Soal Selidik	129
4.3	Borang Contoh Transkripsi	132
4.4	Borang Contoh Pengekodaan	135
5.1	Umur Responden	139
5.2	Tingkat Pendidikan	140
5.3	Pendapatan Keluarga	140
5.4	Latar Belakang Responden yang Ditemubual	141
5.5	Pekerjaan Suami Responden dan Bilangan Tanggungan dalam Rumah	142
5.6	Pengalaman dengan Agensi Pinjaman	143
5.7	Kekerapam Meminjamn Daripada Penyedia Wang	143
5.8	Jangka Masa Menjadi Ahli Koperasi	144
5.9	Kekerapan Meminjam daripada Koperasi	144
5.10	Keputusan Penggunaan Wang	145
5.11	Sumber Wang untuk Pembayaran Balik Pinjaman	146
5.12	Jenis Aktiviti Perniagaan yang Dijalankan	147
5.13	Alasan Memilih Jenis Perniagaan	148

5.14	Tujuan Menjalankan Perniagaan	148
5.15	Sumber Pelaburan Awal Perniagaan	149
5.16	Sokongan dan Penglibatan Suami	149
5.17	Bilangan Orang lain dalam Perniagaan	150
5.18	Pencapaian Kejayaan Perniagaan	150
5.19	Prospek Perniagaan	151
5.20	Alasan Mengekalkan Perniagaan	151
5.21	Penyebab Bankrap atau Memulakan Usaha Lain	152
5.22	Kedudukan Pelaburan Perniagaan	152
5.23	Tahap Keadaan yang dirasakan	153
5.24	Purata Pendapatan dalam Satu Bulan	154
5.25	Penambahan Aset Keluarga	154
5.26	Tempat Wang Disimpan	155
5.27	Pemahaman Makna Pemerksaan	155
5.28	Kuasa yang Dimiliki	156
5.29	Kuasa Membuat Keputusan dalam Rumah	157
5.30	Kuasa Membuat Keputusan dalam Perniagaan	157
5.31	Sumbangan Kewangan Isi Rumah	158
5.32	Perubahan yang dirasakan dalam Hidup	159
5.33	Tahapan Hidup yang Telah Berubah	159
5.34	Penglibatan Suami dalam kerja-kerja Rumah	160
5.35	Perancangan Pendidikan Anak	160
5.36	Harapan Masa Hadapan Anak	161
5.37	Harapan untuk Diri di Masa Hadapan	162
5.38	Aktiviti Sosial	162

**SENARAI RAJAH**

<b>RAJAH</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
1.1	Kerangka Teoritis	21
1.2	Kerangka Konsep	26
3.1	Peta Wilayah Sulawesi Selatan	81
4.1	Fasa Pengumpulan Data	113



## SENARAI SINGKATAN

ACSI	-	Amhara Credit and Saving Institute
ADB	-	Asian Development Bank
AIM	-	Amanah Ikhtiar Malaysia
AMFIU	-	Association of Microfinance Institutions of Uganda
AMIZ	-	Association of Microfinance Institution of Zambia
APBN	-	Anggaran Pendapatan dan Belanja Negara
ASCI	-	Amhara Credit and Savings Institute
ASPPUK	-	Assosiasi Pendamping Perempuan Usaha Kecil
Bappenas	-	Badan Perancang Pembangunan Nasional
Bimas	-	Bimbingan Masyarakat
BNI	-	Bank Nasional Indonesia
BPR	-	Bank Perkreditan Rakyat
BPS	-	Badan Pusat Statistik
BRAC	-	Bangladesh Rural Advancement Committee
BRI	-	Bank Rakyat Indonesia
BTN	-	Bank Tabungan Negara
CIR	-	Cooperatives Information Report
CPRC	-	The Chronic Poverty Research Center
EU	-	Europe Union
GAD	-	Gender and Development
GEM	-	Global Entrepreneurship Monitor
IFAD	-	International Fund for Agricultural Development
KIK	-	Kredit Investasi Kecil
KMKP	-	Kredit Modal Kerja Permanen
KUK	-	Kredit Usaha Kecil

KUKESRA	-	Kredit Keluarga Sejahtera
KUR	-	Kredit Usaha Rakyat
KUT	-	Kredit Usaha Tani
MBT	-	MicroBankers Trust
MDGs	-	Millenium Development Goals
MFI	-	Micro Finance Institution
NGO	-	Non Governmental Organization
OECD	-	Organization for Economic and Development
P3EL	-	Pemberdayaan Perempuan dalam Pembangunan Ekonomi Lokal
PBB	-	Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu
PDB	-	Produk Domestik Bruto
PNPM	-	Program Nasional Pembangunan Masyarakat
PP	-	Peraturan Pemerintah
PT	-	Perusahaan Terbatas
RI	-	Republik Indonesia
RKP	-	Rencana Kerja Pemerintah
RM	-	Ringgit Malaysia
RPJM	-	Rencana Pembangunan Jangka Menengah
RPJPN	-	Rencana Pembangunan Jangka Panjang Nasional
SD	-	Sekolah Dasar
SMA	-	Sekolah Menengah Atas
SMP	-	Sekolah Menengah Pertama
TAKESRA	-	Tabungan Keluarga Sejahtera
TEKUN	-	Tabung Ekonomi Kumpulan Usahawan Nasional
UKM	-	Usaha Kecil Menengah
UMI	-	Universitas Muslim Indonesia
UMKM	-	Usaha Mikro Kecil dan Menengah
UN Women	-	United Nations Women
UNDP	-	United Nations Development Programme
UNIFEM	-	United Nations Development Fund for Women
USAid	-	United States Aid
UU	-	Undang-undang

UWFT - Uganda's Women Finance Trust

**SENARAI LAMPIRAN**

<b>LAMPIRAN</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
A	Kuesioner untuk Wanita Peminjam	239
B	Soalan untuk Wanita Peminjam	251
C	Pertanyaan Wawancara	263
D	Soalan Temu Bual	266
E	Kebenaran Menjalankan Kajian daripada UTM	269
F	Kebenaran Menjalankan Kajian daripada Kerajaan Provinsi Sulawesi Selatan	278
G	Kebenaran Menjalankan Kajian daripada Kerajaan Kabupaten Gowa	271
H	Kebenaran Menjalankan Kajian daripada Koperasi Surya Abadi	272

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Kajian ini adalah tentang kemiskinan dan bagaimana kemiskinan itu difahami, kerana kemiskinan adalah salah satu masalah utama yang dihadapi banyak negara di dunia. Menurut Laporan Pembangunan Dunia tahun 2000, lebih dari 1.2 miliar orang di seluruh dunia, yang hidup dengan pendapatan keluarga kurang dari \$ 1 sehari, terutama di negara-negara berkembang. Lebih dari setengah penduduk dunia, atau seramai 2.8 miliar orang (lebih dari lima puluh peratus dari total populasi dunia) hidup dengan pendapatan rumah tangga di bawah \$ 2 satu hari (UNDP, 2000). Golongan miskin ini tidak hanya kekurangan wang, tetapi juga tiada mempunyai akses ke perkhidmatan kesihatan, permakanan dan pendidikan, sehingga mereka lemah kepada penyakit, mengalami kekurangan gizi, dan tidak mendapatkan pendidikan yang baik.

Memandangkan kesannya kepada kehidupan rakyat, ia adalah sangat perlu untuk melakukan tindakan untuk mengurangkan kemiskinan. Kerajaan di banyak negara dan pertubuhan antarabangsa, pun telah berupaya untuk membantu golongan miskin di seluruh dunia. Mereka melakukan upaya melalui program pembangunan yang direka untuk membantu negara-negara miskin mencapai pembangunan, sebagai sebahagian daripada ikhtiar untuk penghapusan kemiskinan. Usaha-usaha ini, telah membuat sedikit perbezaan dalam pengurangan kemiskinan di peringkat global. Tetapi di sisi lain, kemiskinan yang kekal masih pada tahap yang tinggi. Walaupun

terdapat banyak negara dan institusi yang telah membantu negara-negara miskin mencapai pertumbuhan ekonomi dengan menyediakan keperluan asas kepada rakyat miskin, lebih daripada separuh negara di dunia ini masih dalam kemiskinan.

Keadaan berkenaan kemudian menjadi persoalan, mengapa bilangan orang miskin masih tinggi, memandangkan terdapat banyak bantuan daripada negara-negara maju dan organisasi penderma di seluruh dunia yang terlibat dalam program-program pembasmian kemiskinan di negara-negara miskin dan membangun. Nalagon (2003) dalam kajian tesisnya, mengesyaki terdapat salah faham yang berlaku dalam program pembasmian kemiskinan yang dilaksanakan oleh organisasi penderma antarabangsa. Dasar dan program yang direka untuk mengurangkan kemiskinan adalah berdasarkan kefahaman yang terhad kepada kemiskinan yang dialami oleh masyarakat. Mengenai dasar-dasar dan program-program berasaskan agenda pembangunan pada tahun 1970, pertumbuhan ekonomi yang gagal, bukan sahaja untuk membantu negara-negara miskin mencapai pertumbuhan ekonomi tetapi juga gagal dalam menghapuskan dan mengurangkan kemiskinan.

Dalam upaya mengurangkan kemiskinan itu, Tambunan dan Busnety (2009) menyatakan bahawa pertama-tama yang dapat dijalankan adalah dengan membangun ekonomi rakyat yang dimulakan pada tingkatan paling miskin. Beberapa negara dan juga pertumbuhan antarabangsa, telah menggunakan strategi kredit mikro untuk mengurangkan kemiskinan di banyak negara miskin. Strategi kredit mikro ini adalah memberikan akses secara langsung kepada kalangan miskin ke sumber kewangan untuk, manakala mereka boleh mendapatkan modal perniagaan. Dengan modal, golongan miskin boleh memproses sumber semulajadi dan meningkatkan aktiviti yang lebih produktif, manakala mereka boleh memiliki penghasilan sendiri (Adams dan von Pitschke, 1992; Agarwal, 1997; Yunus dan Jolis, 2007).

Selain pendekatan kredit mikro, strategi yang juga banyak digunakan dalam pembasmian kemiskinan iaitu melalui pendekatan pemerksaan wanita. Penglibatan wanita dari golongan miskin dalam pembangunan ekonomi, diyakini dapat mempercepat pengurangan kemiskinan. Strategi kredit mikro yang digunakan untuk menggalakkan pemerksaan wanita, dianggap tidak hanya membaiki kehidupan satu

orang dan satu keluarga miskin sahaja, tetapi juga memberi manfaat yang lebih luas kepada komuniti dan negara (Buvinic, 1998)

## **1.2 Latar Belakang Kajian**

Indonesia merupakan satu negara yang sedang membangun, dengan jumlah penduduk yang keempat terbesar di dunia, selepas China, India, dan Amerika Syarikat. Sebagai sebuah negara yang sedang membangun, Indonesia sedang berusaha untuk meningkatkan kebajikan rakyat melalui pembangunan dalam semua sektor. Tetapi dalam realiti, kebajikan majoriti rakyat Indonesia masih rendah. Daripada 245 juta penduduk Indonesia pada tahun 2014, sebanyak 11 peratus hidup di bawah garis kemiskinan. Menurut data dari Biro Pusat Statistik Republik Indonesia - BPS (2014), penduduk Indonesia mencapai 28 juta orang miskin dengan pendapatan keluarga kurang daripada \$ 1 sehari.

Kemiskinan ini pun pada akhirnya telah menjadi salah satu masalah yang dihadapi oleh kerajaan Indonesia, yang dibuktikan dengan jumlah orang miskin yang tinggi. Keadaan kemiskinan Indonesia yang teruk, terutamanya berlaku semasa krisis ekonomi pada tahun 1998, di mana bilangan orang miskin berkembang sangat besar berbanding 1995 (lihat Jadual 1.1). Kadar kemiskinan yang paling tinggi adalah di kawasan bandar, di mana krisis ekonomi yang dahsyat bagi penduduk bandar. Tetapi apabila krisis ekonomi boleh diselesaikan dan pertumbuhan ekonomi Indonesia boleh dipulihkan pada tahun 2000, kemiskinan masih sukar untuk diatasi. Dalam Jadual 1.1 dapat dilihat, walaupun pengurangan kemiskinan cukup besar pada tahun 2013 berbanding dengan tahun 1998, tetapi jumlah orang miskin di Indonesia masih sangat tinggi. Di samping itu, perubahan dalam nisbah kadar kemiskinan antara bandar dan luar bandar, di mana pada tahun 2013, kadar kemiskinan menjadi lebih banyak di kawasan luar bandar.

**Jadual 1.1** Data Kemiskinan Indonesia

Tahun	Jumlah orang miskin (juta jiwa)	Jumlah orang miskin per wilayah (juta jiwa)		Jumlah penduduk (juta jiwa)	Peratusan (%)
		Bandar	Luar bandar		
1995	14.02	5.70	8.32	194.7	7.20
1998	49.50	23.76	25.74	202.1	24.49
2000	38.71	14.33	24.38	207.2	18.68
2011	30.24	10.59	19.65	231.0	13.09
2013	28.28	9.9	18.38	245.8	11.50

(Sumber: BPS 2014)

Bilangan orang miskin yang tinggi, menyebabkan kemiskinan menjadi masalah yang berlangsung dalam masa sepanjang sejarah Indonesia dan masih sukar untuk diatasi.

Terdapat begitu banyak kesan yang telah dibawa oleh kemiskinan. Perangkap kemiskinan menyebabkan orang tidak dapat memenuhi keperluan asas iaitu makanan, pakaian dan tempat tinggal. Manakala orang miskin sulit mendapatkan pekerjaan yang baik kerana pendidikan yang rendah dan tiada kemahiran. Akibatnya, bilangan penganggur menjadi tinggi. Dalam ikhtiar untuk terus hidup, golongan miskin terpaksa menerima apa-apa pekerjaan dengan gaji yang amat rendah (Agarwal, 1992; Nalagon, 2003). Mereka bersedia mengambil risiko kerja-kerja fizikal dan membiarkan orang lain memberi kawalan ke atas ekonomi mereka, dan bersedia untuk menerima gaji yang tidak setimpal dengan ikhtiar yang telah dilakukan. Kadang-kadang, para pekerja miskin dipaksa bekerja sepanjang hari, tetapi menerima ganjaran gaji sangat sedikit (Agarwal, 1992; Tambunan dan Busnety, 2009).

Ketiadaan sumber pendapatan, menyebabkan orang-orang miskin tidak dapat memenuhi keperluan keluarga asas, iaitu makanan, kesihatan dan pendidikan untuk anak-anak mereka (Agarwal, 1992). Kanak-kanak yang hidup dalam kemiskinan, tidak dapat menghadiri sekolah, manakala mereka dipaksa ikut dalam kerja-kerja



mencari nafkah untuk membantu ibu bapa. Kanak-kanak yang tidak mendapat pendidikan yang baik, dalam masa dewasa, juga tidak mempunyai kemahiran. Mereka pun pada akhirnya sulit mendapatkan pekerjaan yang baik dengan gaji yang memuaskan. Seterusnya, mereka akan membentuk keluarga baru yang juga miskin, manakala mereka tidak dapat memberikan kehidupan yang baik untuk anak-anak mereka. Pada akhirnya, anak-anak mereka mengalami nasib yang sama, iaitu hidup dalam kemiskinan. Keadaan ini menyebabkan kemiskinan menjadi satu budaya yang diwariskan dalam keluarga atau kumpulan masyarakat (Banerjee dan Newman, 1993).

Realiti kemiskinan yang berlaku pada kanak-kanak, tidak pernah lepas daripada penglibatan wanita, kerana wanita adalah ibu kepada kanak-kanak tersebut. Ketika seorang bapak tidak dapat memberikan sumbangan, atau memberi sumbangan yang terhad dari segi ekonomi dalam keluarga, ibu akan sentiasa berusaha untuk melindungi dan memberikan hidup kepada anak-anak mereka dengan semua batasan yang dimiliki. Yunus (2007) mengatakan, kebanyakan wanita menjadi mangsa daripada kemiskinan. Ketika golongan miskin kekurangan aset produktif, terutamanya tanah, ramai lelaki berhijrah ke tempat lain dan meninggalkan wanita, kanak-kanak dan warga tua di rumah. Keluarga ditinggalkan dengan tiada simpanan dan sumber pendapatan, yang secara automatik harus ditanggung oleh wanita untuk melindungi golongan tua dan anak-anak mereka (Kabeer, 1998; Mayoux dan Hartl, 2009; Yunus, 2007). Dalam upaya terus hidup kerana tiada mendapat wang dari lelaki yang mencari pekerjaan di tempat lain, wanita harus mencari rezeki untuk keluarga mereka.

Wanita dari keluarga miskin, mempunyai tanggungjawab yang sama besar dengan lelaki untuk bekerja dan menyara hidup, walaupun mereka sentiasa terpaksa hidup dalam kekurangan, iaitu tanpa pengetahuan, tidak mempunyai kemahiran untuk bekerja, dan batasan fizikal. Ia menyebabkan wanita miskin terdedah kepada layanan diskriminasi dan keganasan, yang mengakibatkan kesengsaraan atau penderitaan fizikal, seksual atau psikologi (Buvinic, 1998). Kemiskinan juga menyebabkan wanita lebih mudah mendapatkan tindakan ancaman, paksaan atau perampasan kebebasan dengan cara sewenang-wenangnya, sama ada berlaku di

khalayak ramai atau dalam kehidupan peribadi (Buvinic, 1998). Keadaan ini berlaku kerana dari segi psikologi dan sosiologi, wanita berada pada sisi marginal, yang cenderung mendapat perlakuan yang buruk daripada kumpulan-kumpulan yang mempunyai kuasa dan kawalan.

Satu lagi kesan kemiskinan adalah bilangan orang yang pindah dari luar bandar ke kawasan bandar adalah tinggi, dengan tujuan untuk memperbaiki kehidupan. Kawasan luar bandar ditinggalkan sehingga tidak cukup diterokai. Manakala penduduk luar bandar yang berpindah ke bandar tanpa kemahiran dan pendidikan yang mencukupi, ia masih sukar untuk memperbaiki kehidupan mereka, kerana mereka tidak mendapat pekerjaan yang baik dan gaji yang cukup.

Keadaan itu menunjukkan bahawa kemiskinan adalah masalah yang kompleks dalam pelbagai dimensi. Oleh itu, diperlukan perjuangan untuk mengurangi kemiskinan secara menyeluruh, meliputi pelbagai aspek kehidupan masyarakat, dan dilaksanakan secara bersepadu (Saputro, 2007). Menurut Tambunan dan Busnety (2009), untuk menyelesaikan masalah kemiskinan, maka pertama-tama yang perlu dilakukan adalah membangun ekonomi rakyat dari golongan paling miskin. Manakala Adams dan von Pitschke (1992) menyatakan, orang miskin tidak dapat melepaskan diri daripada kitaran kemiskinan, tanpa campur tangan daripada orang lain. Diperlukan penglibatan institusi dunia dan kerajaan di banyak negara untuk memerangi kemiskinan (Adams dan von Pitschke, 1992; Agarwal, 1997).

Usaha pengurangan kemiskinan pun telah dilakukan di Indonesia. Remi dan Tjiptoherijanto (2002) mengatakan bahawa usaha untuk mengurangkan kemiskinan di Indonesia, telah bermula sejak tahun 1970-an, melalui program Bimbingan Masyarakat (Bimas) dan Bantuan Luar Bandar (Bantuan Desa - Banded). Tetapi usaha-usaha ini melalui fasa tepu pada pertengahan 1980-an. Hasilnya, ikhtiar untuk mengurangkan kemiskinan pada 1970-an menjadi tidak optimum, manakala jumlah orang miskin di awal 1990-an bertambah semula. Di samping itu, terjadi trend jurang pendapatan yang melebar termasuk antara sektor, antara kumpulan dan ketidaksamaan antara kawasan (Remi dan Tjiptoherijanto, 2002).

Pengurangan kemiskinan di Indonesia juga telah disokong oleh pertubuhan antara bangsa seperti Bank Dunia dan Program Pembangunan Bangsa-Bangsa Bersatu (United Nations Development Program – UNDP). Strategi yang banyak digunakan adalah memberikan kemudahan modal perniagaan kepada golongan miskin, melalui kemudahan akses ke sumber-sumber kewangan. Dengan demikian, mereka mereka boleh melakukan akses langsung kepada institusi kewangan, dan tidak perlu bergantung kepada orang lain. Seterusnya, akses berkenaan akan membantu golongan miskin dalam meningkatkan keupayaan mereka sendiri agar dapat secara berdikari dan membangun kemampanan sendiri.

Pentingnya sokongan institusi kewangan mikro untuk golongan miskin, telah pula disedari oleh kerajaan Indonesia. Oleh itu, kerajaan Indonesia melalui Bank Indonesia sebagai bank pusat negara, mengeluarkan Undang-undang (akta) No 7 tahun 1992 dan Pindaan 1998 tentang perbankan, di mana setiap institusi kewangan harus memberikan kredit mikro kepada masyarakat pada peringkat sederhana dan miskin, dan menyokong mereka untuk penciptaan aktiviti perniagaan. Manakala melalui Kementerian Koperasi dan Usaha Kecil Menengah (UKM) Republik Indonesia, kerajaan pun telah menggalakkan lebih banyak penubuhan koperasi bagi kalangan akar umbi dan masyarakat luar bandar.

Program kredit mikro kepada golongan wanita miskin pun telah menjadi satu strategi utama pembangunan ekonomi Indonesia. Bramono, Chung, Eom dan Khan (2006) menyatakan bahawa wanita yang menjalankan aktiviti perniagaan dapat bertindak sebagai agen pembangun ekonomi dalam masyarakat kerana mereka menjadi lebih kreatif dan inovatif, berdikari dan berwawasan melalui aktiviti produktif dan dapat mewujudkan peluang baru, bukan hanya untuk dirinya sendiri tetapi juga untuk orang lain. Bagaimana pun, perniagaan yang disokong kredit mikro adalah strategi yang baik untuk merencanakan pertumbuhan ekonomi, mewujudkan kekayaan negara dan mengurangkan kemiskinan (Hisrich, Peters dan Shepperd, 2008), dan diiktiraf sebagai pemacu peningkatan keupayaan untuk menghasilkan dan mencipta inovasi, manakala mampu mewujudkan peluang pekerjaan baru bagi orang lain dan boleh diterima sebagai aspek pembangun ekonomi yang dinamik (Organisation for Economic Agency and Development – OECD, 2008).

Peranan institusi kewangan mikro yang menyediakan kredit mikro bagi golongan miskin, telah dikenali sebagai penentu stabiliti ekonomi sebuah negara. Ia menjadi pilihan ramai pertubuhan antarabangsa seperti Bank Dunia dan Program Pembangunan Bangsa-Bangsa Bersatu (United Nations Development Programme - UNDP) yang menggunakan konsep kredit mikro dalam membantu negara-negara miskin untuk pemerksaan wanita dan mengurangkan kemiskinan. Penglibatan wanita dalam usaha pengurangan kemiskinan di banyak negara bermakna bahawa pemerksaan wanita tidak hanya membaiki kehidupan satu orang dan satu keluarga sahaja, tetapi juga memberi manfaat yang lebih luas kepada masyarakat (Buvinic, 1998).

Menyediakan pinjaman kecil dengan faedah yang rendah, boleh menjadi cara untuk melepaskan wanita daripada belenggu kemiskinan dan meletakkan mereka pada laluan untuk mencapai kesaksamaan gender, dan memberi kemakmuran kepada keluarga. Rajivan (2001) menyatakan tiga sebab penting mengapa wanita perlu disokong oleh kredit mikro, iaitu: 1) Memenuhi hak ekonomi mereka; 2) Menyediakan peluang kepada wanita untuk menyumbang kepada pendapatan keluarga; dan, 3) Menyediakan peluang kepada wanita untuk meningkatkan keupayaan menghasilkan dan melibatkan diri dalam pembangunan ekonomi. Bagaimana pun, penyediaan kredit mikro adalah satu cara untuk memperkasakan wanita supaya mereka dapat menjalankan tiga fungsi beban wanita, iaitu fungsi pembiakan, fungsi pengeluaran dan fungsi sosial dalam masyarakat, di masa yang sama dengan cara yang lebih baik (Rajivan, 2001).

Program kredit mikro yang dicadangkan sebagai strategi pengurangan kemiskinan, merupakan tindak balas kepada keadaan sosial golongan miskin yang mendapati kesukaran untuk mendapatkan modal daripada sistem perbankan konvensional. Ianya disebabkan kerana golongan miskin tidak mempunyai akses kepada kredit daripada institusi perbankan formal (Hulme dan Mosley, 1997; Ahmed, 2009). Bank konvensional umumnya menganggap bahawa terdapat risiko pinjaman lebih tinggi yang diberikan kepada golongan miskin (Hulme dan Mosley, 1997), walaupun golongan miskin perlu meminjam wang dari bank sebagai modal untuk pelaburan dalam perniagaan. Hulme dan Mosley (1997) menekankan bahawa

pinjaman kecil tanpa cagaran adalah satu keperluan yang sangat penting bagi golongan miskin yang ingin meningkatkan kualiti hidup mereka. Sementara halangan yang dihadapi oleh golongan miskin luar bandar adalah terdapat peraturan bank yang membebankan, iaitu mereka harus memiliki aset cagaran, dan menghadapi proses pentadbiran yang rumit. Bagi golongan miskin yang ingin meminjam wang daripada bank untuk keperluan modal perniagaan, mereka harus mempunyai perniagaan yang telah ditubuhkan untuk sekurang-kurangnya enam bulan, dan bilangan minimum pinjaman yang tinggi, yang tidak berpatutan dengan keperluan golongan miskin (Tambunan, 2011).

Komitmen kerajaan Indonesia dalam usaha mengurangkan kemiskinan melalui pendekatan pemerksaan wanita, telah dijalankan melalui sokongan kredit mikro yang diuruskan oleh kumpulan wanita peniaga iaitu Persatuan Bantuan Wanita Usahawan Kecil (Asosiasi Pendamping Perempuan Usaha Kecil - ASPPUK) (Asmorowati, 2009). Sokongan berkenaan disediakan melalui aktiviti dana pusingan yang bertujuan meningkatkan aktiviti perniagaan yang dikendalikan oleh wanita. Kerajaan Indonesia pun telah memudahkan pinjaman, terutamanya untuk perniagaan mikro dari tahun 1960-an melalui kredit Bimbingan Komuniti (Bimbingan Masyarakat – Bimas), Pinjaman Pelaburan Kecil (Kredit Investasi Kecil – KIK) dan Kredit Modal Kerja Tetap (Kredit Modal Kerja Permanen – KMKP) (Tambunan, 2011). Selainnya, pengagihan kredit mikro melibatkan lebih banyak institusi kewangan, kedua-dua institusi formal seperti bank konvensional dan bank-bank luar bandar (Bank Perkreditan Rakyat - BPR), serta institusi tidak formal seperti koperasi dan pertubuhan bukan kerajaan (Non Government Organization - NGO).

Dalam usaha menghasilkan pengagihan kredit mikro kepada lebih banyak golongan miskin dan masyarakat luar bandar, Kementerian Koperasi dan Usaha Kecil Menengah (UKM) Republik Indonesia menyediakan peluang kepada koperasi untuk menyediakan lebih banyak kredit. Untuk itu, Kementerian Koperasi dan UKM memudahkan kumpulan masyarakat untuk menubuhkan koperasi dalam komuniti mereka. Sebagaimana Cooperatives Information Report - CIR (2011) menjelaskan bahawa koperasi adalah sebuah organisasi keusahawanan yang dimiliki dan dikawal oleh sekumpulan orang-orang yang mempunyai visi dan misi yang sama dan

mendapat manfaat bersama-sama, yang menggunakan prinsip pergerakan ekonomi berdasarkan kepentingan ahli (CIR, 2011). Koperasi sebagai institusi kewangan mikro, dapat menjadi satu pilihan yang menyediakan pinjaman mudah kepada golongan miskin. Bagi kebanyakan orang, koperasi dianggap dapat memberi peluang kepada golongan miskin, di mana mereka perlu diberi lebih banyak sokongan bagi kepentingan ekuiti sosial dan globalisasi yang adil (Birchall dan Simmons, 2009).

Sehingga kini, koperasi telah menjadi pembekal utama dana dan modal mikro kepada golongan miskin. Melalui koperasi, golongan miskin yang memerlukan modal boleh meminjam wang tanpa syarat-syarat yang sukar. Selain itu, dengan menjadi ahli koperasi maka wanita luar bandar dan golongan miskin dapat meminjam wang secara berterusan, kerana koperasi selalu menyediakan dana untuk ahli-ahlinya. Ia menjamin adanya dana untuk golongan miskin apabila mereka memerlukan wang dengan cepat dan mudah.

Berdasarkan huraian tersebut menunjukkan bahawa sokongan daripada koperasi mestilah menjadi perhatian penyelenggara program kredit mikro bagi mencapai keberhasilan pemerksasaan wanita dan pengurangan kemiskinan. Konsep koperasi dalam menjalankan program kredit mikro disangka memiliki keupayaan lebih besar dalam menggalakkan kemandirian peserta program. Bagaimanapun, program kredit mikro yang berterusan akan menyokong peluang perniagaan yang berterusan pula, manakala boleh meningkatkan kemandirian dan kecekapan yang mampan. Ianya menjadi isu utama yang memerlukan perhatian menyeluruh bagi memperkembangkannya.

Program kredit mikro koperasi dapat memberikan impak yang besar kepada pembangunan ekonomi masyarakat. Selainnya, koperasi meletakkan jawatan lebih dekat kepada persekitaran masyarakat luar bandar manakala memberi kemudahan akses kepada sumber kewangan. Kredit mikro koperasi tak hanya memberi kemudahan kepada golongan miskin untuk mengakses sumber kewangan, tetapi juga telah membangun kesedaran pada diri mereka untuk memperbaiki kehidupan diri dan keluarga menjadi lebih baik, dengan usaha sendiri.